



Kepada : Semua Staf Universiti
Daripada : Pendaftar
Ruj. Kami : UPSI/PEND/BG1/634 Jld. 4 (42)
Tarikh : 26 Mei 2017
29 Syaaban 1438H

WAKTU BEKERJA SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1438H

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan 1438H adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berdasarkan jadual waktu Peringkat 5 (WP5) seperti berikut:

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP5	Isnin – Khamis	8.00 pagi -1.00 t/hari	1.00 t/hari – 1.30 ptg	1.30 ptg – 4.30 ptg
	Jumaat	8.00 pagi – 12.30 t/hari	12.30 t/hari – 2.30 ptg	2.30 ptg – 4.30 ptg

2. Sebagai tambahan, pihak Universiti telah menetapkan waktu bekerja bulan Ramadhan ini tidak melibatkan staf berikut:

- 2.1 Bekerja secara shift
- 2.2 Pensyarah yang tertakluk dengan jadual kuliah

3. Pemakaian pekeliling ini adalah **tertakluk kepada budi bicara Ketua PTj** masing-masing mengikut perkara-perkara berikut:

- 3.1 Keutamaan tugas hakiki yang menuntut kakitangan bertugas seperti biasa iaitu sehingga jam 5.00 petang;
- 3.2 Bagi kakitangan bukan muslim yang boleh memilih mengikut pekeliling ini atau bekerja seperti biasa (8.00 pagi hingga 5.00 petang).

4. Pekeliling ini juga dikeluarkan untuk memberi kelonggaran kepada kakitangan membuat persiapan berbuka puasa. Sehubungan itu, sekiranya kakitangan melakukan **kerja lebih masa (OT) atas kepentingan jabatan maka ianya tetap dikira bermula dari jam 5.00 petang.**

Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak.

Sekian, terima kasih.

“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”

Yang benar,

Mel. Faiz Othman

(MOHD FAIZI OTHMAN)

Pendaftar

s.k : Y.Bhg. Dato' Naib Canselor

